



Calon baharu janjikan kemenangan BN

Oleh [Asrol Awang](#) - November 2, 2022 @ 3:33pm
bhnews@bh.com.my

KUANTAN: Calon baharu Barisan Nasional (BN) Pahang berazam memastikan kemenangan selepas diberikan kepercayaan bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Kepercayaan itu akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk membuktikan pilihan tepat yang dilakukan barisan tertinggi kepimpinan parti dengan memilih mereka bertanding.

Bagi calon Peramu Jaya, Datuk Mohamad Nizar Najib, beliau akan berusaha membantu memperkukuhkan pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

"Beliau (Wan Rosdy) bertindak cemerlang terutama meraih pendapatan kerajaan negeri berjumlah RM1 bilion.

"Banyak pembaharuan dan bantuan bagi membela rakyat. Jadi kami sebagai calon baharu akan berjuang untuk memenangi kerusi ditandingi.

"Misi saya lebih kepada mempertingkatkan lagi pelaburan di Pekan, selain pembangunan anak muda dalam pekerjaan dan kemahiran," katanya.

Sementara itu, calon Dong, Fadzli Mohamad Kamal, 42, berkata kepercayaan diberikan barisan pimpinan tertinggi akan dibalas dengan kemenangan kepada parti.

"Walaupun calon baharu, saya akan menggalas amanah bersama calon lain bagi memastikan BN terus memerintah di negeri ini," katanya yang juga Ketua Pemuda Raub.



Calon DUN Peramu Jaya, Datuk Mohamad Nizar Najib. NSTP/Asrol Awang